

# CERPEN

## TITI

*Siti Fadiah bte Ramdan*

**Atan melabuhkan punggungnya di tebing Sungai Tani sambil melontarkan pandangannya kepada dua ekor burung punai yang sedang higgap di atas runtuhan titi yang pernah menghubungkan Kampung Merlimau dan Kampung Tani. Atan merasa iri hati lalu mencapai seketul batu dan mencampakkannya ke arah burung-burung tersebut. Burung-burung itu melebarkan sayapnya dan terbang mencakar awan. Atan kini bersendirian di tebing sungai tersebut.**

Atan memerhatikan pula keadaan runtuhan titi tersebut lalu tersenyum. Kenangan pahit dan manis menyerang fikirannya. Atan bagaikan ditemani nostalgia yang berbagai-bagai; di situlah kali pertama Atan mengenali erti keberanian dan keyakinan. Atan terkejut dari lamunannya lalu memandang ke awan sambil memejamkan matanya. Rambutnya bagaikan disusapi angin petang.

“Tak nak! Atan tak nak! Nanti Atan jatuh camne? Atan nanti mati mak! Mati!” Atan berteriak kedegilan sambil berpaut nyawa pada sebatang pokok cermai yang berdiri tegap di hadapan titi yang baru dibina itu. Atan merenung tepat ke arah titi itu dengan penuh ketakutan dan gerun. Air sungai yang mengalir dengan deras di bawah titi tersebut semakin tidak menyemarakkan semangatnya untuk melintas titi tersebut.

“Eh pengecut! Kalau kau tak nak semberang titi tu, kau tak payah nak ke sekolah lagi! Selama ni naik kolek ke sekolah tak takut, nak jalan atas titi takut pulak! Jangan nak mengada-ada! Cepat!” Ibu Atan terpekik-pekau sambil menarik tangan Atan yang sedang menggeletar lalu menyeretnya merentasi titi tersebut.

Atan menangis teresak-esak. Atan mengorak langkah perlahan-lahan dan dengan penuh keraguan bagaikan menuju maut. Namun, setelah Atan menjejakkan kakinya ke atas titi tersebut, Atan seakan merasa amat bangga dengan dirinya. Dia bagaikan mempunyai semangat baru. Titi itu ternyata tidak sebahaya mana yang telah disangkakannya. Atan mengesat airmatanya dan mulai melangkah dengan lebih keyakinan dan keberanian. Kini, dia terasa seronok pula lalu berlari-lari dan berlonjak-lonjak atas titi itu, diselubungi dengan semacam kepuasan kerana telah berjaya mengawal perasaan takutnya.

Atan membuka matanya lalu memerhatikan runtuhannya titi tersebut lalu menggelengkan kepalanya. Atan merasakannya dia harus melakukan sesuatu sebelum jambatan batu dibangun supaya pengalamannya di atas titi itu dapat dikongsi bersama anak-anak kampung yang lain. Mereka mengatakan bahawa jambatan batu itu kononnya lebih teguh, kuat dan lebih selamat. Apa kurangnya titi ini? Bukankah Atan telah pun membuktikan bahawa titi itu juga kuat dan selamat disemberangi? Atan tidak akan setuju; Atan akan membina titi seperti titi yang dahulu dengan tangannya sendiri. Siapa yang tidak kenal Atan; anak tunggal Tok Penghulu Kampung Tani? Justeru, siapa yang akan berani menghalang kehendaknya? Semua yang diinginkannya, ibu dan bapanya tidak pernah menghampaknya dan dia juga pasti, niat baiknya akan disokong oleh ibu dan bapanya.

“Bukankah jambatan batu lebih baik Tan? Lebih kuat, selamat dan dapat bertahan lebih lama?” tanya bapanya yang terkebil-kebil memandang Atan di bawah sinaran matahari yang teguh memancarkan cahayanya di atas sawah yang luas terbentang.

“Apa yang bagus sangat Pak? Titi itu pun selamat; berbelas tahun juga dia dah bertahan. Atan dah dewasa Pak; taulah Atan mana yang baik dan mana yang buruk. Bagaimana Pak? Kalau bapak tak akan menyokong cadangan saya ni, saya sanggup membinanya sendiri!” Atan seolah-olah mengugut bapanya yang sudah kelihatan uzur dan tidak berdaya lagi.

“Suka hati kaulah Tan! Lambat-laun, kau juga yang akan menggantikan aku. Terserahlah pada kau nak,” bapanya menjawab tanpa sebarang kehairahan.

Atan menguntumkan senyuman; puasa rasanya matlamatnya akan hampir tercapai. Dengan tidak berlengah, Atan terus pulang untuk membuat persiapan. Dia mengumpulkan orang-orang kampung lalu memberitahu hasratnya itu. Mereka hanya berdiam diri sahaja; tidak menyokong tetapi tidak pula membantah. Mereka hanya mengikut sahaja keputusan yang telah ditetapkan.

Perlahan-lahan, titi itu dibangun. Pemuda-pemuda kampung, termasuk Atan, berhempas tulang membina titi tersebut. Pada ketika musim tengkujuh ini, lebih mencabar lagi untuk mereka membina titi tersebut. Air yang mengalir deras mengkomplikasikan lagi prosedur tersebut. Ada yang jatuh sakit dan ada pula yang terjatuh ke dalam sungai; hanyut dan hampir lemas tetapi dapat diselamatkan. Atan hanya mementingkan matlamatnya akan tercapai. Perkara-perkara lain boleh diuruskan bapanya; itu semua bukan urusannya.

Setelah dua bulan berlalu, titi yang menjadi idaman Atan kini telah pun siap. Ia kelihatan serupa titi yang telah runtuh dahulu. Puas benar hati Atan. Dia memandang titi tersebut sambil bersantai di tebing Sungai Tani. Dia berjaya sekali lagi; berjaya merealisasikan impiannya untuk membina titi idamannya. Kenangan yang tidak hilang dan luput dari ingatannya kini bertambah jelas.

“Ini baru dikatakan sama! Cantik benar kau!” Atan berkata-kata dalam hatinya lalu tersenyum lebar.

Tiba-tiba dua ekor burung punai yang sering hinggap di atas runtuhannya titi yang dahulu menjadi pemandangan kegemaran Atan mengelilingi titi baru tersebut.

“Hai sahabatku, dah lama kita tak bertemu. Ah...amik kau titi baru tu! Kau mesti suka! Bahkan, anak dan cucu-cucu kau pun tentu suka!” kata Atan dalam hatinya lagi lalu tersenyum lagi.

Alangkah hampanya Atan apabila burung-burung punai tersebut terbang jauh mencakar awan biru bagaikan tidak menghargai penat lelah Atan yang bertungkus-lumus membina titi tersebut. Atan merenung titi tersebut sambil berfikir sejenak; di manakah silapnya?

Kini, Atan memahami dan menyedari bahawa yang serupa tidak semestinya sama. Atan kini menjadi dewasa.

# PAK LANG DALANG

*Mohamed Hizammuddin Bin Mohamed Yusof*

Pak Lang sangat digeruni oleh pemain-pemain gasing daerah Gurun Pasir. Gurun Pasir ini mempunyai satu gelanggang permainan gasing. Pak Lang juga membela seekor burung helang berkepala botak yang sentiasa menyerbu pemain-pemain gasing apabila sesuatu peraduan gasing sedang diadakan. Pak Lang telah mengikut jejak ayahnya dengan menjadi seorang ketua kampung di Kampung Pusara. Tuk Lang, ayah Pak Lang, juga merupakan jaguh bermain gasing di daerah Gurun Pasir itu. Pada 12 tahun lepas, Tuk Lang mengarahkan orang-orang kampungnya untuk bertarung main gasing bersama ketua kampung Desa Daun Qari. Desa Daun Qari terletak berdekatan gelanggang gasing yang berpasir. Pertarungan itu terlalu hebat sehingga mengakibatkan orang-orang kampung kedua-dua belah pihak tercedera ataupun mati disebabkan bertempur.

Namun demikian, Rombongan Tuk Lang tetap menang kerana diberi bantuan oleh adik-beradiknya seramai empat orang. Mereka adalah Rusdi, Rancis, Manchi dan Mat Geris. Kelima-lima beradik ini diibaratkan seperti hulubalang lima beradik. Mereka akan sama-sama menyokong di antara satu sama lain sekiranya terdapat kampung-kampung lain yang ingin menguasai arena bermain gasing. Jika terdapat satu kampung yang dilanda keganasan oleh kampung lain semasa bermain gasing, kelima-lima beradik ini akan campur tangan dan berusaha meredakan keadaan. Malangnya, campur tangan itu bukan secara percuma. Kampung-kampung yang diselamatkan atau diberi perlindungan terpaksa akur dengan memberi keutamaan berurusan jual beli barang-barang keperluan kepada kelima-lima beradik ini.

Kali ini, Pak Lang ingin bertarung dengan ketua dan penduduk-penduduk Kampung Desa Qari kerana mereka dikatakan mempunyai cara rahsia untuk menundukkan pihak lawan. Pak Lang berpidato di seluruh daerah Gurun Pasir demi mendapatkan sokongan. Malangnya, keempat-empat pakciknyanya yang lain enggan turut serta dalam pertarungan kali ini kerana mereka berpendapat bahawa tidak ada sebarang hasil yang boleh diperoleh. Lagipun, mereka sendiri sedang bersusah payah untuk mencari nafkah demi sesuap nasi untuk ahli-ahli keluarga dan penduduk-penduduk di kampung masing-masing.

Pak Lang merupakan saudagar minyak pelincir di kampungnya tetapi perniagaannya itu tidak membuahkan hasil. Pendapatan keluarga dan penduduk-penduduk kampungnya semakin berkurangan semenjak dua menara yang diperbuat daripada konkrit di pertengahan kampungnya roboh akibat bedilan meriam buluh oleh kumpulan Mas Den, yang tidak diketahui di mana kelibatnya sekarang. Menara kembar itu sebenarnya lambang kemakmuran di Kampung Pusara. Pak Lang mendapat tahu bahawa, Kampung Daun Qari banyak menyimpan hasil-hasil minyak pelincir. Oleh itu, penduduk Kampung Daun Qari semakin digeruni oleh penduduk-penduduk kampung lain kerana gasing-gasing mereka ligat berpusing disebabkan dibubuhi minyak pelincir di bahagian paksi. Maka, Pak Lang menjadi iri hati lalu mengarahkan orang-orang kampungnya mengepung kawasan Kampung Daun Qari. Pak Lang kini berhati-hati kerana dia mendapat khabar bahawa ketua Kampung Daun Qari iaitu Pak Dam, ada membuat sejenis cecair yang boleh menghakis logam pada gasing-gasing pihak lawan.

Pak Lang bertekad untuk menyerang Pak Dam dengan menggunakan cecair itu sebagai alasan. Pak Lang berpidato kepada penatap-penatap Gurun Pasir bahawa kaedah itu berbahaya dan melanggar undang-undang permainan gasing yang telah mereka lakarkan bersama selepas pertarungan pada 12 tahun yang lalu. Undang-undang ini melarang mana-mana kampung mengusahakan dan menyimpan bahan-bahan perosak yang boleh menjahanamkan gasing-gasing pihak lawan secara besar-besaran. Pak Dam memberitahu kesemua yang bermastautin di Gurun Pasir bahawa kampung halamannya tidak menyimpan bahan-bahan perosak seperti mana yang dikatakan Pak Lang. Tambahan pula, dia tidak bersubahat apatah lagi mempunyai hubungan dengan Mas Den yang lenyap entah ke mana.

Ramai penduduk kampung lain di Gurun Pasir itu membantah cadangan Pak Lang untuk menyerang Pak Dam kerana mengasihani anak-anak kecil tidak bersalah yang pasti akan turut terkorban jika tercetus serangan. Mereka juga mempercayai bahawa Pak Dam tulus orangnya. Pak Dam tidak sekali berdecit pun selepas tamat serangan ke atas kampungnya pada 12 tahun yang lepas. Pak Dam bermain gasing secara biasa tetapi kemahirannya bermain gasing begitu terserlah dengan adanya minyak pelincir yang sentiasa dibubuh pada bahagian paksi setiap gasing supaya ia boleh berputar lama dengan ligat.

Kampung Pusara akan menjalani undian untuk memilih ketua baru pada tahun depan. Maka, sekiranya Pak Lang berjaya menakluki dan menguasai perusahaan minyak pelincir di Desa Daun Qari, ia akan memulihkan keadaan ekonomi di kampungnya. Pak Lang pasti akan meraih undian yang banyak disebabkan itu. Tambahan pula, perniagaan minyak pelincirnya akan bertambah maju kerana dia akan menguasai pemasaran minyak pelincir gasing sepenuhnya.

Walaupun pakcik-pakcik Pak Lang menasihatkannya supaya jangan berdegil untuk beradu kemahiran bermain gasing dengan Pak Dam, Pak Lang tetap berdegil. Dia berhujah bahawa kemahiran Pak Dam perlu dikekang untuk kebaikan rakyat Gurun Pasir secara sejagat. Lagipun cecair perusahaan Pak Dam akan membinasakan gasing-gasing mereka. Sepatutnya, Persatuan Barang Bagus akan menentukan sama ada tindakan perlu diambil ke atas Pak Dam. Persatuan Barang Bagus mengarahkan Pak Lang supaya bersabar kerana pihaknya akan memeriksa jika khabar bahawa Pak Dam mempunyai perusahaan cecair perosak itu dapat disahihkan. Persatuan Barang Bagus adalah persatuan yang menetapkan sebarang undang-undang di Gurun Pasir. Arahan itu tetap tidak diambil peduli oleh Pak Lang.

Semakin ramai rakyat Gurun Pasir berpendapat bahawa rancangan Pak Lang persis ada udang di sebalik batu. Semakin ramai membantah termasuk penduduk-penduduk Kampung Pusara sendiri. Mereka lebih rela menumpukan perhatian untuk menyelamatkan ekonomi kampung daripada membazir tenaga dan wang belanja untuk menentang Pak Dam. Pak Lang telah menempatkan orang-orangnya di gelanggang gasing yang terletak di timur tengah Gurun Pasir. Pasti Pak Lang akan menyerang kerana telah membelanjakan banyak wang untuk persediaan itu. Nampaknya, Pak Lang masih berdegil seperti Tuk Lang. Bapak borek anak rintik.

Sama ada tujuan Pak Lang betul-betul demi memberi perlindungan keselamatan pemain-pemain gasing lain mahupun keterangan Pak Dam bahawa dia tidak mempunyai bahan cecair perosak, satu persoalan sangat ketara iaitu siapakah pengganas yang sebenar. Jika dahulunya, gerak-geri Pak Dam dikhuatiri dan disyaki mata rakyat Gurun Pasir, kini mereka merubah haluan ke arah Pak Lang. Semakin Pak Lang mendesak konco-konconya untuk menyerang semakin itulah dia

dilihat sebagai penganas manakala Pak Dam terkerisin melihat telatah Pak Lang yang tak ubah seperti seorang kanak-kanak yang mati-mati mahukan kemahuannya dituruti. Bahang krisis ini tetap merecik ke halaman kampung lain yang menjadi semakin berhati-hati.

Pak Lang sudah memberi amaran demi amaran supaya Pak Dam menghapuskan simpanan cecair perosak besi itu tetapi Pak Dam tidak mengendahkan amaran itu. Pak Dam berkali-kali mengatakan bahawa dia tak pernah mengusahakan dan menyimpan cecair seperti apa yang dituduh oleh Pak Lang. Lagipun, Persatuan Barang Bagus telah menghantar lima orang untuk memeriksa kampung halaman Pak Dam. Mereka juga bersetuju bahawa tuduhan yang dilemparkan oleh Pak Lang hanya melulu tanpa asal usul periksa. Pak Lang mengambil keputusan bahawa dia akan tetap menyerang Desa Daun Qari walaupun tanpa kebenaran Persatuan Barang Bagus mahupun sokongan daripada kampung-kampung lain kecuali ketua Kampung Barat.

Sedang orang-orang Kampung Pusara dikerahkan ke sana, ketua gempur Pak Lang berbalah dengan ketua gempur Kampung Barat kerana orang-orang Kampung Barat tercedera sebelum bertarung gasing pun. Mat Geris, ketua Kampung Barat, Mat Geris yang sebulat suara mahu menyertai pertempuran itu dikutuk pula oleh penduduk-penduduknya. Mat Geris bagai dipanggang apabila para penduduknya menyoal bertubi-tubi tentang motif sokongannya itu.

Sementara Pak Lang sibuk mengaturkan serangan ke atas Pak Dam, dia gagal melindungi Kampung Selat Tin daripada ditunjal oleh Pak Ron, ketua Kampung Selari. Sungguh ironi sikap Pak Lang yang menabalkan dirinya sebagai tunggak keamanan Gurun Pasir. Rupa-rupanya, orang-orang Pak Ron giat menyumbang kepada dana perniagaan Kampung Pusara.

Dalam suasana hiruk piruk itu, Manchi menabalkan salah seorang anak buah pilihannya sebagai ketua baru Kampung Agan. Nakchi menyokong arahan Persatuan Barang Bagus supaya serangan ke atas Desa Daun Qari dibatalkan. Nakchi juga berjanji bahawa dia akan menaikkan ekonomi kampungnya dan juga menjadikan ia sebuah kampung yang giat berniaga di samping menjadi kampung yang termasyhur di seluruh daerah Gurun Pasir. Nakchi berpendapat walaupun mereka golongan bermata sepet dan berkulit kuning, kekurangan itu harus diatasi demi penakatan mereka di hari muka. Tidak seperti Pak Lang yang gilakan kuasa dan mementingkan diri sendiri sementara asyik ketawa terbahak-bahak dan terbatuk-batuk oleh asap cerut yang dihisapnya. Seorang dalang petualang.

# HUKUMAN

*Ummikalthum Basheer*

Perasaannya tidak menentu. Fikirannya bercelaru. Di saat itu, Azman bagaikan dalam dilema. Tidak pasti akan apa yang patut dia lakukan. Dia tidak berdaya untuk lepas tangan mengenai perkara itu. Dia mesti bertanggungjawab. Hari itu Azman tidak terus pulang ke rumah. Dia singgah di sebuah kedai minuman untuk menghirup secangkir kopi panas. Dia ingin bersendirian kerana jiwanya harus ditenangkan.

Tanpa disedari, seorang tua berjanggut putih yang terbongkok-bongkok datang lalu duduk semeja dengannya. Lelaki tua itu menegurnya dengan menjemput dia minum. Azman memberikan senyuman ikhlas lalu memandang keadaan sekeliling. Dia dapati, banyak meja lain yang kosong tetapi orang tua itu memilih untuk duduk bersamanya. Mungkin orang tua ini tidak mahu duduk sendirian, bisik hati Azman.

Azman tidak menghiraukan orang tua itu malah fikirannya melayang lagi, mengingat kembali peristiwa yang berlaku di sekolah siang tadi. Dia tidak pasti apakah masalah yang menimpa anak muridnya, Zaidi. Kelmarin, Azman telah merotan murid itu kerana didapati mencuri wang rakan-rakan. Hari ini, dia terjumpa pula sekotak rokok di dalam beg murid itu apabila pengetua sekolah menyuruhnya memeriksa beg-beg sekolah anak muridnya kerana sepuntung rokok telah dijumpai di tandas murid lelaki. Azman tidak memberitahu pengetua sekolah bahawa terdapat sekotak rokok di dalam beg Zaidi. Sebaliknya, Azman ingin bertanya sendiri dengan muridnya mengenai perkara itu. Namun kini, Azman tidak tahu sama ada dia patut menyerahkan murid itu kepada guru besar untuk dihukum atau dia sendiri harus menghukum murid itu. Azman tidak mahu nama baik murid itu terjejas kerana Zaidi merupakan seorang yang sangat cemerlang dalam pelajaran. Dia terang hati. Bukan sahaja dia pintar dalam mata pelajaran bahasa Melayu, malah dia juga selalu memperoleh markah yang tinggi dalam mata pelajaran yang lain seperti bahasa Inggeris, Sains dan Matematik.

Apakah murid ini tidak serik dengan hukuman tempoh hari sehingga dia melakukan kesalahan lagi? Mengapa murid ini masih menafikan kesalahannya sedangkan bukti-bukti jelas di depan mata? Apakah sebenarnya yang dimahukan oleh murid berumur sebelas tahun ini? Soalan-soalan itu bermain di benak Azman lalu dia mengeluh.

‘Jadi pendidik itu bukan satu tugas yang mudah, Cu,’ tiba-tiba orang tua itu bersuara.

‘ Apa dia, pakcik?’ Azman bertanya kerana kurang dengar lantaran dia baru tersentak dari lamunannya.

‘Dalam apa tugas sekalipun, kalau ada apa-apa perkara yang tidak baik berlaku, kita harus selidik dahulu. Tidak patut menghukum atau menuduh membabi buta. Inilah kelemahan orang kita. Tak mahu siasat dahulu jika suatu perkara berlaku tetapi lebih suka mendengar cerita orang lalu membuat andaian dan kemudian menghukum. Zaidi itu baik dan pintar budaknya. Berilah dia dorongan dan bimbingan. Dia boleh menaikkan nama bangsa kita. Janganlah terus percaya akan

apa yang kamu lihat dan dengar. Siasatlah dahulu, baru buat keputusan. Sudah banyak masa berlalu meninggalkan kita tetapi anak bangsa kita yang naik belum juga ramai,' orang tua itu berhenti bercakap lalu menghirup lagi tehnya.'

Dia terbatuk-batuk lalu menyambung kata-katanya lagi. Azman terdiam mendengar percakapannya.

'Bangsa kita susah nak naik bukan kerana orang lain tetapi angkara bangsa sendiri. Orang Melayu lebih suka memijak sesama sendiri untuk naik daripada berusaha lebih kuat demi majukan diri. Perkara ini sudah terjadi sejak dahulu lagi. Bukan baru sekarang, Cu. Jika hal ini tak berlaku, mungkin Hang Nadim tidak dihumban ke laut oleh raja. Mungkin Singapura masih menjadi hak Melayu hari ini. Kerana raja enggan menyiasat akan duduk perkara sebenar ,akibat terlalu yakin dengan hasutan orang kepercayaan yang tamakkan pangkat dan harta, mereka tergamak mengorbankan nyawa insan tidak berdosa yang boleh menaikkan martabat bangsa Melayu. Kebijaksanaan yang dikurniakan kepada Hang Nadim menyelamatkan rakyat dari serangan ikan todak telah terkubur bersama jasadnya di dasar laut Temasek angkara hasad dengki dan iri hati orang kanan istana' Orang tua itu berhenti lalu menghabiskan tehnya.

Azman tidak dapat mengucapkan apa-apa. Walau bagaimanapun, dia tahu, kata-kata orang tua itu benar belaka. Dia berasakan nasihat pemberian orang tua itu sangat berguna. Dia mahu berjumpa dan bercakap dengan orang tua itu lagi di lain hari. Orang tua itu meletakkan cawannya di atas meja lalu memandang ke langit.

'Hari sudah makin larut, Cu. Pergilah pulang.' Orang tua itu berkata sambil terketar-ketar ingin berdiri.

'Pakcik, boleh kita bertemu lagi? Saya ingin berbual-bual lagi dengan pakcik jika saya ada masa. Siapa nama pakcik?' tanya Azman

'Nadim,' jawab orang tua itu dengan ringkas.

'Pak Nadim tunggu sekejap, saya nak ambil alamat Pak Nadim. Nanti, bolehlah saya ke rumah Pak Nadim bila senang.'

Azman menunduk, mencapai begnya lalu mengeluarkan sebatang pen dan kertas untuk menulis alamat Pak Nadim tadi tetapi orang tua itu sudah hilang dari pandangan sebaik sahaja Azman kembali ke posisi duduknya. Azman menoleh kiri dan kanan tetapi tidak berjaya mencari orang tua itu. Cawan bekas minuman orang tua itu juga turut ghaib.

Azman pergi ke kedai yang menjual air lalu menanyakan jika penjual itu tahu ke mana arah orang tua itu pergi tetapi penjual itu mengatakan bahawa dia tidak melihat sesiapa menyinggah di kedainya melainkan Azman sendiri.

Esok harinya, ketika Azman berjalan menuju ke bilik air, dia terdengar perbualan dua murid lelakinya di tandas murid. Dia bersembunyi di sebalik daun pintu untuk mencuri dengar perbualan mereka.

‘Hei, kali ni, aku nak ambil buku si Zaidi, dan koyakkan kerja rumah yang mesti dibuat semalam. Nanti, kalau Cikgu Azman periksa, dan dapat tahu kerja rumah itu tak ada, Cikgu Azman tentu akan marah Zaidi sebab tak buat kerja rumah,’ Ismail memberitahu Riduan tentang cadangannya.

‘Sudahlah tu, kalau nak bergurau pun, agak-agaklah. Nasib baik semalam Cikgu Azman tak cakap dengan pengetua yang dia jumpa rokok dalam beg Zaidi. Kalau tidak, mesti Zaidi kena hukum. Itu hari pun, kerana kau, dia kena rotan dengan Cikgu Azman. Kau ambil duit kawan-kawan semua semasa mereka pergi buat latihan jasmani, dan kau taruk duit-duit tu dalam beg Zaidi. Lepas tu Cikgu rotan tangan Zaidi kerana menyangkakan dia yang curi duit-duit tu. Kesian dia.’ Riduan cuba sedaya upaya untuk menasihatkan Ismail supaya kawannya itu berhenti menganiyai Zaidi.

Ismail, dengan muka yang geram, berkata kepada Riduan, ‘ Aku memang sakit hati dengan si Zaidi tu. Aku hendak sampai dia kena buang sekolah. Selagi dia ada kat sini, aku tak boleh jadi murid terbaik. Macam mana aku nak jadi murid terbaik kalau dalam semua mata pelajaran, Zaidi yang angkat? Aku takkan berhenti selagi dia tak dibuang sekolah!’

‘Mail! Tak baik kau buat macam tu. Zaidi tak pernah susahkan kau.!’ Riduan seakan memarahi Ismail.

‘Ismail! Riduan!’ teriak Azman.

‘Cikgu!’ sahut Ismail dan Riduan yang terkejut melihat guru mereka.

‘Jumpa saya lepas sekolah.Saya perlu bercakap dengan awak berdua!’

Azman beredar dari tandas itu dengan langkah yang keras. Di dalam hatinya, dia berbisik, ‘Aku akan mendidik mereka agar mereka berusaha sendiri jika mereka mahu maju dan bukan dengan memijak orang lain. Inilah janjiku. Aku berjanji, Pak Nadim.’

Wajah Hang Nadim terbayang.

# REZEKI

*Sopianti Bte Abdullah*

Syarahan yang bertajuk “Dari manakah sumber harta kita?” bimbingan Ustaz Rahmat baru sahaja selesai. Orang ramai berpusu-pusu menuju ke arah Ustaz Rahmat untuk bersalam dengannya. Tidak kurang juga ada yang menghulurkan beberapa keping wang kertas kepadanya. Saku jubah putihnya penuh dengan wang kertas merah-kemerahan. Ustaz Rahmat memang sentiasa digemari ramai. Ceramahnya sentiasa menarik perhatian para pendengar dengan kelucuannya. Ceramahnya juga boleh menyedarkan para pendengarnya ke arah kebaikan.

“Abang berceramah tentang apa dalam syarahan tadi?” Isterinya, Cik Salmah bertanya kepada suaminya yang baru sampai ke rumahnya.

“Macam-macam saya sentuh tapi yang saya tegaskan adalah sumber rezeki. Eh, awak ni kalau ya pun beri saya mandi dahulu! Kopi pun awak belum buat. Nanti kita boleh bersembang,” Ustaz Rahmat terus menuju ke biliknya.

Lazimnya, jika Cik Salmah tidak menghadiri ceramah suaminya itu, dia akan menunggu suaminya pulang dan Ustaz Rahmat akan berkongsi dengannya tentang ceramah yang telah disampaikannya. Selesai mandi dan memakai baju tidurnya, Ustaz Rahmat duduk di ruang tamu untuk menjamu hidangan makanan ringan yang telah disiapkan oleh Isterinya. Cik Salmah sudah menunggu di ruang tamu untuk menemani suaminya.

“Tadi saya menerangkan tentang sumber rezeki yang halal. Sumber rezeki yang halal adalah salah satu syarat untuk kerukunan rumahtangga. Salah satu punca kepincangan keluarga, masalah anak-anak yang tidak dapat dikawal, suami isteri yang bergaduh adalah sumber rezeki yang haram. Seperti tubuh badan kita, jika segumpal daging dalam tubuh ini busuk, kesemua organ-organ dalam tubuh kita akan rosak. Jika ketua keluarga memberi makan kepada keluarganya dari sumber yang haram, hati dan jiwa kesuluruhan keluarga tersebut akan rosak. Iman juga akan semakin lucut. Itulah sebabnya kita sebagai umat Islam harus berhati-hati dalam mencari rezeki. Pilihlah sumber rezeki yang halal,” Ustaz Rahmat berhenti seketika.

“Eh, awak nak beri ceramah yang sama sekali lagi ke?” Cik Salmah berseloroh. “Dahlah Bang, awak pun dah penat. Pergi masuk tidur dahulu.”

“Ramli dan Rita masih belum pulang lagi ke?”

“Ramli kata dia kerja lembur hari ini. Rita pula katanya ada hal di rumah temannya.”

“Awak nasihat sikit pada budak-budak tu. Jangan asyik pulang lewat malam. Rita terutamanya, kan tak manis orang perempuan balik malam-malam buta. Si Ramli tu, nasihat dia suruh baik-baik kerja. Dia diamanahkan untuk mengendalikan wang syarikat. Besar risikonya cubaannya juga hebat.”

“Eh, awak bapa mereka, nasihatlah juga. Jangan asyik beri ceramah di luar tapi anak sendiri tidak diberi nasihat. Jangan pula kera dihutan disusukan anak di rumah mati kelaparan.”

Ustaz Rahmat tersenyum mendengar teguran isterinya lalu mengangkat kaki menuju ke biliknya.

Keesokan harinya, selepas bersembahyang Isyak di Masjid, Ustaz Rahmat pulang dengan disambut oleh seluruh anggota keluarganya yang sedang menunggunya di rumah. Ramli dan Rita pulang awal pada malam itu. Mereka semua sedang menunggu Ustaz Rahmat di ruang tamu.

“Eh, mesyuarat apa ni?” Ustaz Rahmat kehairanan.

“Entahlah bang. Ramli kata ada hal dia nak beritahu kita semua,” Cik Salmah menjawab sambil menuang kopi panas ke dalam cawan suaminya.

Ramli tidak sabar untuk memberitahu berita yang baginya amat baik kepada ahli keluarganya.

“Begini ayah, saya baru jual saham dan telah mendapat wang tunai lima ratus ribu dolar,” Ramli terhenti seketika.

Ustaz Rahmat dan Cik Salmah terdiam seketika. Terperanjat mendengar berita Ramli. Rita pula tercengang apabila mendengar wang sebanyak itu. Terasa pula seperti orang kaya pada saat itu apabila mendengar jumlah wang tersebut.

“Jadi saya ingin berkongsi lah keuntungan itu bersama ayah, ibu dan Rita,” Ramli menyambung kata-katanya yang terhenti tadi.

“Saya telah membelikan ayah sebuah kereta Proton Saga. Ini untuk memudahkan ayah ke hulir-kehilir ke Masjid-masjid untuk mengajar. Dapat juga saya cari pahala dengan memudahkan ayah berdakwah. Ibu pula saya ada belikan satu set barang kemas, rantai, gelang dan cincin. Hadiah dari saya semenjak saya mula bekerja. Rita pula, Along dah pun belikan sebuah komputer dan televisyen kecil untuk diletakkan di dalam bilik Rita.”

Terharu Ustaz Rahmat mendengar kemurahan hati Ramli terhadap keluarganya. Tidak sangka bahawa Ramli begitu murah hati sehingga sanggup membelanjakan wangnya untuk membelikannya sebuah kereta.

“Terima kasih banyak-banyak Ramli. Tak terkata ayah bila mendapat hadiah yang terlalu mahal ini. Ayah rasa serba salah pula untuk menerimanya. Wang kamu itu sebaik-baiknya kamu simpan untuk masa depan kamu.”

“Saya dah ketepikan pun wang untuk disimpan. Lagi satu, saya bercadang untuk membawa ayah, ibu dan Rita pergi Umrah selepas musim haji nanti. Bagaimana ayah, Ibu?”

Mereka terdiam. Terkelu lidah untuk berkata apa-apa. Mereka merasakan seperti rezeki datang melimpah-limpah bergolek ke atas peha. Semua setuju dengan saranan Ramli. Memang mereka

ingin benar untuk menunaikan Umrah apabila ada rezeki. Tapi kini rezeki sudah datang bergolek, inilah kesempatan mereka.

Enam bulan telah berlalu, cara kehidupan Ustaz Rahmat sekeluarga semakin mewah. Mereka boleh dianggap Orang Kaya Baru tetapi Ustaz Rahmat tidak pernah angkuh malah lebih kerap beribadah. Ustaz Rahmat tidak mahu kekayaan yang diperolehi mengoncangkan keimanannya. Sesungguhnya Iblis akan sentiasa mencuba menghasut umat manusia. Ustaz Rahmat tidak mahu dirinya dijadikan korban Iblis laknatullah itu.

Malang tak berbau, pada suatu pagi kereta Ustaz Rahmat telah dirempuh oleh sebuah lori. Mujur Ustaz Rahmat tidak ada di dalam kereta. Kerosakan kereta itu memakan perbelanjaan yang besar dan mengambil masa dua minggu untuk dibetulkan. Selepas kejadian itu, Ustaz Rahmat tidak mahu lagi menggunakan kereta. Dia lebih rela menaiki pengangkutan awam. Lebih selamat katanya. Oleh itu, kereta itu telah digunakan oleh Ramli sendiri. Ramli yang selama ini menggunakan motosikal beralih kepada kereta Proton Saga ayahnya itu.

“Rita!! Kamu nampak rantai emas Ibu tak?” Jerit Cik Salmah sambil membelek-belek almari bajunya untuk mencari barang-barang kemas pemberian Ramli.

Rita yang sedang sibuk membetulkan komputer yang baru dibeli oleh abangnya tidak melayan ibunya itu. Komputernya pula tiba-tiba hilang segala maklumat di dalam komputer itu. Dimaki hamun komputer barunya itu kerana telah menyusahkannya. Rita terpaksa menaip kembali tugas-tugasannya.

“Mengapa jerit-jerit Salmah? Kalau ya pun carilah dengan mata bukan dengan mulut!” Ustaz Rahmat menegur isterinya yang sedang berpeluh-peluh mencari barang kemasnya.

“Tempoh hari gelang, hari ini rantai pula yang hilang. Esok lusa apa pula? Cincin? Subang? Takkan saya tercicir?”

“Dahlah tu cari perlahan-lahan, kalau betul-betul tak ada dah memang bukan rezeki awak. Barang-barang kemas tu pun bukannya boleh dibawa ke kubur!”

“Yelah, Tu saya tahu tapi tu kan pemberian anak kita. Setiap pemberian orang kita harus menghargainya. Jaga dengan baik,” Cik Salmah semakin resah.

Berpeluh-peluh tubuh Cik Salmah mencari rantai emasnya. Selepas membongkar semua almarinya, Cik Salmah rebah di katil. Matanya dipejam tetapi kotak fikirannya masih tertumpu pada rantai emas yang hilang itu. Sudah dua barang kemasnya hilang dan kedua-duanya hadiah dari anaknya.

\*\*\*\*\*

“Ayah, rancangan kita untuk pergi ke Umrah terpaksa dibatalkan. Kita pergi tahun hadapan sahaja ya?”

Ramli terdiam. Dia serba salah. Ramli sedar keluarganya memang berharap benar untuk menunaikan Umrah. Ramli tiada pilihan. Wang yang telah diketepikan untuk perbelanjaan ke Umrah nanti telah habis digunakan untuk membayar hutang. Rupa-rupanya, Ramli dibelenggu dengan hutang-piutang semenjak beberapa minggu ini. Ramli tidak mahu memberitahu keluarganya. Dia sendiri bingung dan tidak tahu kemana wangnya yang beribu-ribu dolar itu? Perbelanjaannya setiap hari seperti anak jutawan. Kini Ramli hanya mampu menggigit jari. Wangnya sudah pun habis. Di dalam masa yang begitu singkat, begitu cepat wangnya lesap tanpa meninggalkan kesan.

“Kenapa tak jadi? Wang tidak cukup ke?” Ustaz Rahmat terkilan mendengar berita kurang baik dari anaknya itu tetapi ditabahkan hatinya untuk menerimanya. Dia sedar Islam tidak pernah menyusahkan umatnya. Jika tidak mampu untuk menunaikan Umrah, batalkan sahaja rancangan itu dan apabila dimurahkan rezeki, niat itu boleh dijalankan. Terkelu lidah Ramli untuk menjawab pertanyaan ayahnya. Ramli tidak boleh memberitahu ayahnya bahawa wangnya sudah habis kerana \$500,000 bukanlah sedikit tetapi hampir sejuta.

“Ramli belum bersedia,” Ramli jawab dengan ringkas lalu menuju ke bilik tidurnya.

Ustaz Rahmat mengerutkan dahinya. Pelik rasanya perangai Ramli. Mula-mula dia yang beriya-ya untuk mengajak mereka sekeluarga ke Umrah? Beberapa minit kemudian, telefon rumah Ustaz Rahmat berdering.

“Assalamualaikum,” Ustaz Rahmat menjawab panggilan itu dengan memberi salam seperti biasa.

*“Halo! Itu Ramli mana? Wa tahu dia ada di rumah! Panggil dia sekarang juga. Kalau tidak cakap sama dia, wa datang rumah dia!”*

“Awak ni siapa? Nak apa dengan Ramli? Saya bapanya, awak boleh berbual dengan saya. Ramli tidur dan tidak mahu diganggu!”

*“Oh lu bapak dia! Lu cakap pada anak lu sana, wa tau dia menang loteri setengah juta. Tapi tak mahu bayar hutang sama tai long. Cakap sama dia wa kasi dia tiga hari. Kalau tidak satu keluarga wa kerjakan. Ada FAHAM!!”*

Ganggang telefon itu terlepas dari genggamannya Ustaz Rahmat. Jantungnya semakin pantas berdegup mendengar berita yang memeranjatkan itu. Ustaz Rahmat melemparkan punggungnya ke sofa lalu mengurut-ngurut dadanya dan beristighfar. Buku agama yang baru sedang dipegangnya turut terjatuh dari genggamannya. Dipungut buku yang bertajuk “Rezeki yang Halal” itu lalu merenung tajuk buku itu dengan pandangan yang tajam. Tanpa disedari, air matanya berlinangan. Ustaz Rahmat bingung dengan apa yang terjadi. Terlalu bingung sehingga terkelu lidahnya untuk berkata apa-apa sehingga Ustaz Rahmat jatuh pingsan.